

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0 PENGENALAN

Bab ini melaporkan dapatan-dapatan kajian daripada hasil analisis data. Keputusan yang diambil adalah berdasarkan interpretasi yang telah diperoleh daripada jawapan responden melalui instrumen kajian. Analisis data pula dibuat berdasarkan objektif dan soalan kajian seperti mana yang telah dinyatakan dalam Bab Pertama. Bab ini juga mengandungi huraian data statistik secara deskriptif berlandaskan kepada output daripada pakej *Statistical Package for Social Scienses (SPSS) versi 14.0* (lihat Lampiran C dan Lampiran D).

4.1 SKOP PERBINCANGAN ANALISIS ITEM

Dalam membincangkan analisis kajian ini, penulis membahagikan kepada dua bahagian, iaitu analisis soal selidik pelajar dan temu bual semi berstruktur guru:

4.1.1 Analisis Soal Selidik Pelajar

Sub-tajuk ini mengandungi huraian data bagi analisis soal selidik pelajar secara deskriptif. Bahagian A berkenaan profil responden. Bahagian B mengemukakan latar belakang pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Seterusnya, bahagian C berkaitan faktor-faktor yang menjana motivasi sedia ada

pada pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab dan pendorong terhadap pencapaian mata pelajaran BAK dalam PMR, dan bahagian D mengemukakan analisis keseluruhan dimensi jenis-jenis pendekatan motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab.

4.1.2 Analisis Temu Bual Semi Berstruktur

Dalam sub-tajuk ini pula penulis membentangkan analisis kajian temu bual secara deskriptif kepada dua bahagian. Bahagian A mengandungi analisis temu bual berkenaan pengalaman pengajaran responden. Manakala bahagian B pula mengemukakan analisis persepsi guru terhadap motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab, halangan motivasi yang dialami oleh pelajar, ciri-ciri motivasi dan skim-skim motivasi yang relevan serta harapan dan cadangan untuk meningkatkan motivasi pelajar.

4.2 ANALISIS ITEM SOAL SELIDIK PELAJAR

4.2.1 Analisis Deskriptif Profil Responden

Bahagian A dalam borang soal selidik adalah berkaitan ciri-ciri demografi sampel kajian. Penganalisan dilakukan untuk melihat responden berdasarkan jantina, umur, keturunan, tingkatan, aliran akademik, lokasi kediaman, negeri tempat tinggal, peringkat pendidikan ibu bapa atau penjaga dan keputusan BAK dalam peperiksaan PMR responden. Daripada 160 set soal selidik yang diedarkan kepada responden, sebanyak 131 set borang soal selidik telah dikembalikan dan dianalisis dengan

sempurna. Sebanyak 10 item yang berkaitan dengan demografi responden dikaji untuk mengaitkannya dengan motivasi terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Penghuraian analisis mengenai deskriptif profil responden meliputi sub-tajuk yang berikut:

4.2.1.1 Jantina Responden

Merujuk Jadual 4.1, dapatan kajian menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Sebanyak 131 responden telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Jumlah responden lelaki seramai 65 orang atau 49.6%, manakala responden perempuan pula seramai 66 orang atau 50.4%.

Jadual 4.1
Taburan Responden Berdasarkan Jantina

Pernyataan	Frekuensi	Peratus
Jantina		
Lelaki	65	49.6
Perempuan	66	50.4
Jumlah	131	100

4.2.1.2 Umur Responden

Jadual 4.2, menunjukkan taburan profil responden mengikut umur. Daripada keseluruhan responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini didapati seramai 69 orang atau 52.7% berumur 16 tahun dan 62 orang atau 47.3% berumur 17 tahun. Ini menunjukkan bahawa umur bagi pelajar di peringkat sekolah menengah bagi Tingkatan Empat dan Lima pada sekitar 16 hingga 17 tahun.

Jadual 4.2
Klasifikasi Umur Responden

Penyataan		Frekuensi	Peratus
Umur	16 tahun	69	52.7
	17 tahun	62	47.3
Jumlah		131	100

4.2.1.3 Keturunan Responden

Jadual 4.3 menunjukkan keturunan Melayu merupakan kumpulan responden terbesar iaitu seramai 128 orang atau 97.7%, diikuti oleh masing-masing seorang responden atau 0.8% yang berketurunan Thai, Indonesia dan Afghanistan.

Jadual 4.3
Taburan Responden Berlandaskan Keturunan

Penyataan		Frekuensi	Peratus
Keturunan	Melayu	128	97.7
	Thai	1	0.8
	Indonesia	1	0.8
	Afghanistan	1	0.8
Jumlah		131	100

4.2.1.4 Tingkatan Responden

Berlandaskan Jadual 4.4, taburan responden mengikut tingkatan adalah sama dengan taburan mengikut umur iaitu seramai 69 orang atau 52.7% Tingkatan Empat dan 62 orang atau 47.3% Tingkatan Lima. Dapatan ini menepati syarat pengedaran borang soal selidik yang telah digariskan oleh penulis dengan mengambil kira setiap tahap pengajian pada peringkat menengah iaitu Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima.

Jadual 4.4
Taburan Responden Mengikut Tingkatan

Pernyataan		Frekuensi	Peratus
Tingkatan	Empat	69	52.7
	Lima	62	47.3
Jumlah		131	100

4.2.1.5 Aliran Akademik Responden

Jadual 4.5, menunjukkan taburan responden berasaskan aliran akademik. Seramai 65 orang responden atau 49.6% adalah dari aliran sains tulen, manakala seramai 66 orang responden atau 50.4% dari aliran sains sosial. Dapatan ini menunjukkan bahawa sampel terdiri daripada aliran sains tulen dan aliran sains sosial. Ini juga menunjukkan bahawa taburan agihan soal selidik dilakukan secara rawak dan hampir saksama, tanpa mengutamakan mana-mana aliran akademik.

Jadual 4.5
Taburan Responden Mengikut Aliran Akademik

Pernyataan		Frekuensi	Peratus
Aliran Akademik	Sains Tulen	65	49.6
	Sains Sosial	66	50.4
Jumlah		131	100

4.2.1.6 Latar Belakang Responden Mengikut Lokasi Kediaman

Berdasarkan Jadual 4.6, kajian mendapati asrama merupakan lokasi utama penempatan responden iaitu seramai 122 orang atau 93.1%. Walaupun demikian, terdapat 9 orang atau 6.9% responden yang menjadikan rumah keluarga sebagai

lokasi kediaman semasa belajar di MATRI. Faktor ini disebabkan pihak Ma'had menggalakkan semua pelajarinya tinggal di asrama.

Jadual 4.6
Taburan Responden Mengikut Lokasi Kediaman

Penyataan		Frekuensi	Peratus
Lokasi Kediaman	Asrama	122	93.1
	Rumah Keluarga	9	6.9
Jumlah		131	100

4.2.1.7 Latar Belakang Responden Mengikut Negeri

Jadual 4.7 menunjukkan profil responden mengikut negeri tempat tinggal responden. Daripada keseluruhan responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini didapati 31 orang atau 23.7% berasal dari Perlis, diikuti oleh Kedah seramai 22 orang atau 16.8%. Selain itu, seramai 21 orang atau 16.0% dari Pulau Pinang, 16 orang atau 12.2% dari Perak, dan 15 orang atau 11.5% lagi dari Selangor. Manakala seramai 8 orang atau 6.1% masing-masing dari Johor dan Wilayah Persekutuan. Seterusnya, seramai 3 orang atau 2.3% dari Sarawak, 2 orang atau 1.5 peratus masing-masing dari Pahang dan Kelantan. Hanya seorang atau 0.8% masing-masing dari Terengganu, Thailand dan Indonesia. Dapatan ini memperlihatkan bahawa bilangan responden yang paling banyak iaitu melebihi 56.0% tinggal di wilayah utara Semenanjung. Ini juga menunjukkan secara holistiknya bahawa responden datang daripada pelbagai latar belakang mengikut negeri tempat tinggal asal mereka.

Jadual 4.7
Taburan Responden Mengikut Negeri Tempat Tinggal

Penyataan	Frekuensi	Peratus	
Negeri	Perlis	31	23.7
	Kedah	22	16.8
	Pulau Pinang	21	16.0
	Perak	16	12.2
	Selangor	15	11.5
	Wilayah Persekutuan	8	6.1
	Johor	8	6.1
	Serawak	3	2.3
	Pahang	2	1.5
	Kelantan	2	1.5
	Terangganu	1	0.8
	Thailand	1	0.8
	Indonesia	1	0.8
	Jumlah	131	100

4.2.1.8 Latar Belakang Responden Berdasarkan Pendidikan Ibu Bapa atau Penjaga

Jadual 4.8 menunjukkan taburan responden mengikut taraf pendidikan ibu bapa atau penjaga. Bagi taraf pendidikan bapa atau penjaga responden, didapati 83 orang atau 63.4% terdiri daripada lepasan ijazah atau universiti, diikuti 26 orang atau 19.8% yang mempunyai kelulusan diploma atau sijil. Sementara itu, 4 orang atau 3.1% memperoleh kelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), 16 orang atau 12.2% pula mempunyai kelulusan peringkat SPM, seorang atau 0.8% merupakan lepasan pendidikan pondok dan seorang sahaja yang mempunyai Sijil Rendah Pelajaran (SRP). Tiada seorang pun yang tidak berpeluang bersekolah rendah atau tidak berpeluang bersekolah langsung.

Manakala taraf pendidikan ibu responden pula, didapati 55 orang atau 42.0% yang mempunyai kelulusan pada peringkat universiti, diikuti pula 44 orang atau

33.6% yang memperoleh kelulusan diploma atau sijil, 6 orang atau 4.6% yang mempunyai kelulusan STPM. Selain itu, 16 orang atau 12.2% yang mempunyai kelulusan peringkat SPM, seorang atau 0.8% sahaja yang merupakan lepasan pendidikan pondok, dan 2 orang atau 1.5% yang mempunyai SRP. Seterusnya, 6 orang atau 4.6% yang berpeluang bersekolah rendah, dan seorang atau 0.8% yang tidak berpeluang bersekolah. Dapatan menunjukkan bahawa 79.4% ibu bapa atau penjaga responden memiliki ijazah dan diploma. Ini juga menunjukkan bahawa taraf sosioekonomi ibu bapa responden dapat dikategorikan berada pada peringkat yang baik dan memuaskan.

Jadual 4.8
Taburan Responden Berdasarkan Pendidikan Ibu Bapa atau Penjaga

Pernyataan	Pendidikan Bapa		Pendidikan Ibu	
	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
Ijazah, Sarjana, Ph.D	83	63.4	55	42.0
Diploma, Sijil	26	19.8	44	33.6
STPM/HSC	4	3.1	6	4.6
SPM/SPMV/MCE	16	12.2	16	12.2
Pondok	1	0.8	1	0.8
SRP/LCE	1	0.8	2	1.5
Sekolah Rendah	-	-	6	4.6
Tidak Bersekolah	-	-	1	0.8
Jumlah	131	100	131	100

4.2.1.9 Keputusan Bahasa Arab Komunikasi PMR

Jadual 4.9 menunjukkan taburan responden mengikut gred pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi bagi peperiksaan PMR. Dalam peperiksaan PMR 2006, seramai 23 orang responden atau 17.6% memperoleh gred A, diikuti 11 orang atau 8.4% mendapat gred B. Sementara itu, 13 orang atau 9.9% memperoleh

gred C, 12 orang atau 9.2% pula mendapat gred D, dan 3 orang atau 2.3% memperoleh gred E.

Manakala dalam peperiksaan PMR 2007 pula, seramai 27 orang responden atau 20.6% memperoleh gred A, diikuti oleh 14 orang atau 10.7% mendapat gred B. Selain itu, 11 orang atau 8.4% memperolehi gred C, 17 orang atau 13.0% memperoleh gred D dan tiada responden mendapat gred E. Dapatan ini menggambarkan bahawa sampel terdiri daripada para pelajar yang mempunyai latar belakang pembelajaran Bahasa Arab sebelum mempelajari bahasa itu pada peringkat menengah iaitu Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima. Ini juga menunjukkan bahawa responden mempunyai prestasi pencapaian yang positif dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi mengikut skor gred peperiksaan PMR yang berbandukan tahun peperiksaan yang diambil.

Jadual 4.9
Taburan Responden Mengikut Keputusan BAK dalam PMR 2006 dan 2007

Pernyataan	Keputusan	Tahun 2006		Tahun 2007	
		Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
Keputusan Bahasa Arab Komunikasi PMR	Gred A	23	17.6	27	20.6
	Gred B	11	8.4	14	10.7
	Gred C	13	9.9	11	8.4
	Gred D	12	9.2	17	13.0
	Gred E	3	2.3	-	-
Jumlah		62	47.3	69	52.7

4.2.2 Analisis Latar Belakang Responden Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab

Dalam kajian ini, penulis membentangkan analisis item yang berkaitan dengan latar belakang responden terhadap pembelajaran Bahasa Arab dari segi dorongan pemilihan terhadap sekolah aliran agama, minat dalam pembelajaran Bahasa Arab, dan semangat belajar Bahasa Arab di dalam kelas. Item-item tersebut adalah seperti berikut:

4.2.2.1 Dorongan Pemilihan Pelajar Terhadap Sekolah Aliran Agama

Jadual 4.10, memperlihatkan dapatan kajian mengenai pendorong utama bagi responden yang cenderung dalam membuat pemilihan belajar di sekolah aliran agama. Hasil analisis ini menunjukkan seramai 78 orang responden atau 59.5% didorong oleh pilihan sendiri, diikuti pilihan ibu bapa atau penjaga seramai 45 orang atau 34.4%. Seterusnya, seramai 3 orang atau 2.3% yang menunjukkan hasil dorongan guru dan 4 orang atau 3.1% didorong oleh saudara mara. Hanya seorang sahaja atau 0.8% yang menunjukkan didorong oleh rakan sebaya. Dapatan ini menggambarkan bahawa faktor sendiri merupakan pendorong utama yang merangsang pelajar memilih sekolah aliran agama. Faktor ini juga dikenali sebagai faktor intrinsik.

Jadual 4.10
Dapatan Kajian Berkenaan Pendorong Utama Pemilihan Sekolah Agama

Penyataan	Frekuensi	Peratus	
Pendorong utama pemilihan sekolah Aagama	Pilihan sendiri	78	59.5
	Ibu bapa/penjaga	45	34.4
	Guru	3	2.3
	Saudara mara	4	3.1
	Rakan sebaya	1	0.8
Jumlah	131	100	

4.2.2.2 Minat dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Kajian ini dilakukan untuk meninjau latar belakang pelajar terhadap minat dalam pembelajaran Bahasa Arab mengikut frekuensi dan peratusan responden. Daripada Jadual 4.11, didapati responden memberi respon yang menggalakkan terhadap item ini iaitu seramai 117 responden atau 89.3% yang berminat atau bersetuju dengan item ini, hanya seramai 14 orang atau 10.7% sahaja yang tidak berminat mempelajari Bahasa Arab. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa tahap minat responden terhadap pembelajaran Bahasa Arab boleh dianggap berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 4.11

Dapatan kajian Berkaitan Minat Responden dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Pernyataan		Frekuensi	Peratus
Meminati mata pelajaran bahasa Arab	Ya	117	89.3
	Tidak	14	10.7
Jumlah		131	100

4.2.2.3 Semangat Mempelajari Bahasa Arab di dalam Bilik Darjah

Jadual 4.12, menunjukkan hasil tinjauan terhadap semangat mempelajari Bahasa Arab responden di dalam kelas berdasarkan kepada frekuensi dan peratusan yang dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hanya 32 orang atau 24.4% responden yang tidak bersemangat mempelajari mata pelajaran Bahasa Arab. Majoriti responden iaitu seramai 99 orang atau 75.6% masih bersemangat belajar Bahasa Arab di dalam bilik darjah. Ini memperlihatkan bahawa semangat responden masih pada tahap yang baik dan mungkin boleh ditingkatkan semasa proses

pembelajaran Bahasa Arab dijalankan secara formal di dalam bilik darjah. Menerusi kaedah dan teknik pengajaran yang efektif sudah pasti akan dapat merangsang semangat belajar Bahasa Arab.

Jadual 4.12
Dapatan Kajian Mengenai Semangat dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Pernyataan		Frekuensi	Peratus
Bersemangat belajar Bahasa Arab di dalam bilik darjah	Ya	99	75.6
	Tidak	32	24.4
Jumlah		131	100

4.2.3 Analisis Faktor-Faktor yang Menjana Motivasi dan Pendorong Terhadap Pencapaian BAK Responden

Dalam kajian ini, penulis menganalisis item mengenai faktor-faktor yang mendorong motivasi dan pencapaian responden terhadap mata pelajaran BAK dalam peperiksaan PMR. Item-item tersebut dikelaskan mengikut sub-topik seperti berikut:

4.2.3.1 Faktor-Faktor yang Menjana Motivasi Tersedia Ada pada Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Penulis telah menyediakan beberapa item untuk menguji faktor-faktor yang mendorong dan membangkitkan motivasi responden dalam pembelajaran Bahasa Arab. Dapatan kajian disenaraikan mengikut peratusan dan min seperti dalam Jadual 4.13.

Jadual 4.13
Faktor yang Menjana Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab

Bil.	Pernyataan	Peratus %					Min
		STS	TS	TP	S	SS	
1	Ingin mendapat keputusan cemerlang bagi subjek Bahasa Arab dalam SPM	1.5%	-	3.8%	18.3%	76.3%	4.68
2	Minat terhadap bahasa al-Quran	1.5%	-	3.8%	30.5%	64.1%	4.56
3	Ingin merebut peluang belajar Bahasa Arab berbanding bahasa asing lain	-	3.1%	3.8%	28.2%	64.9%	4.55
4	Dorongan ibu bapa	1.5%	1.5%	11.5%	48.9%	36.6%	4.18
5	Harapan ahli keluarga	1.5%	10.7%	13.7%	39.7%	34.4%	3.95
6	Hubungan yang mesra dan erat dengan guru	1.5%	10.7%	38.2%	33.6%	16.0%	3.52
7	Menyambung pelajaran dalam bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab	6.1%	13.0%	41.2%	14.5%	25.2%	3.40
8	Kerjaya dalam bidang Bahasa Arab	13.0%	20.6%	35.1%	13.7%	17.6%	3.02
9	Pengaruh rakan sebaya	13.7%	27.5%	28.2%	26.0%	4.6%	2.80
	Min Keseluruhan						3.85

(Skala Penilaian : STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, TP = Tidak Pasti, S = Setuju dan SS = Sangat Setuju)

Jadual 4.13, menunjukkan faktor-faktor yang menjana motivasi terhadap pembelajaran Bahasa Arab responden mengikut susunan dimensi item bagi min yang tertinggi hingga min yang terendah. Dapatan kajian menunjukkan purata min keseluruhan item ini adalah pada paras 3.85. Kajian mendapati faktor ingin mendapat keputusan cemerlang bagi mata pelajaran Bahasa Arab dalam SPM merupakan faktor utama yang merangsang motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab. Ini dibuktikan apabila ia merupakan pilihan utama responden dengan purata nilai min sebanyak 4.68. Hasil analisis item ini mendapati sebanyak 76.3% responden sangat bersetuju memilih faktor tersebut, diikuti 18.3% bersetuju, 3.8%

memilih tidak pasti, 1.5% pula sangat tidak bersetuju dan tiada respon untuk jawapan tidak bersetuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden ingin berjaya dengan cemerlang dalam SPM, khasnya untuk subjek BAT.

Item minat terhadap bahasa al-Quran pula mencatat nilai min sebanyak 4.56. Analisis item ini mendapati 64.1% responden memilih jawapan sangat bersetuju. Peratus responden yang memilih jawapan bersetuju sebanyak 30.5%. Manakala jumlah responden menjawab tidak pasti sebanyak 3.8%. Tiada responden yang memilih jawapan tidak setuju. Walaupun begitu, 1.5% responden merasakan mereka sangat tidak bersetuju dengan item ini. Hal ini menunjukkan kebanyakan pelajar berminat dengan bahasa al-Quran. Ini membuktikan bahawa kedudukan Bahasa Arab yang menjadi bahasa al-Quran al-Kari:m mendorong pelajar untuk mempelajari bahasa itu.

Manakala, item ingin merebut peluang mempelajari Bahasa Arab berbanding bahasa asing lain menunjukkan nilai min sebanyak 4.55. Analisis item ini mendapati bahawa 64.9% responden yang memberikan jawapan sangat bersetuju. Sebanyak 28.2% pula telah memberikan jawapan bersetuju. Jika dicampur peratus sangat setuju dan setuju, menjadikan sebanyak 93.1% dalam kalangan pelajar mengatakan mereka lebih cenderung terhadap belajar Bahasa Arab berbanding dengan bahasa asing lain di dalam bilik darjah. Selain itu, peratusan responden yang memberi jawapan tidak pasti adalah sebanyak 3.8%, sebanyak 3.1% responden memilih jawapan tidak bersetuju dan tiada seorang pelajar pun memberikan jawapan sangat tidak bersetuju.

Dapatan kajian menggambarkan bahawa ketiga-tiga item tersebut yang merupakan faktor-faktor yang menjana motivasi pelajar berada dalam kumpulan nilai min yang maksimum. Dapatan ini menunjukkan faktor-faktor ini lahir daripada dorongan dalaman pelajar atau dipanggil juga motivasi intrinsik.

Di samping itu, terdapat juga faktor-faktor lain yang mendorong motivasi terhadap pembelajaran Bahasa Arab responden iaitu item mengenai dorongan yang kuat daripada ibu bapa yang mendapat nilai min sebanyak 4.18. Hasil analisis daripada item ini didapati sebanyak 36.6% responden memberi jawapan sangat bersetuju, manakala peratus yang memilih jawapan bersetuju pula didapati jumlah yang agak besar iaitu sebanyak 48.9%. Ini bererti sekurang-kurang sebanyak 85.5% responden mendapat galakan daripada ibu bapa mereka untuk belajar Bahasa Arab. Analisis item ini juga mendapati sebanyak 11.5% responden memberi jawapan tidak pasti. Sebanyak 1.5% masing-masing memberi jawapan tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Dapatan ini menggambarkan bahawa ibu bapa orang yang penting untuk membangkitkan dorongan dan motivasi terhadap anak mereka dalam pembelajaran Bahasa Arab kerana mereka adalah orang yang paling hampir dengan responden.

Item harapan daripada ahli keluarga pula, memberi sumbangan min sebanyak 3.95. Analisis item ini mendapati sebanyak 34.4% responden memberikan jawapan sangat bersetuju. Sebanyak 39.7% pula telah memilih jawapan bersetuju. Peratus responden yang memilih tidak pasti pula adalah sebanyak 13.7%. Manakala peratus yang memilih tidak bersetuju pula sebanyak 10.7%. Selebihnya sebanyak 1.5% memilih sangat tidak setuju. Hal ini menunjukkan bahawa faktor dorongan ahli

keluarga juga amat penting bagi pelajar untuk mendorong dan merangsang mereka belajar Bahasa Arab.

Selain itu, item mengenai hubungan yang mesra dan erat antara guru dengan pelajar mencatatkan nilai min sebanyak 3.52. Hasil daripada analisis item ini mendapati bahawa sebanyak 16.0% responden yang memilih jawapan sangat setuju, diikuti sebanyak 33.6% yang memilih jawapan setuju. Manakala, sebanyak 38.2% memberi jawapan tidak pasti. Sebanyak 10.7% responden memilih jawapan tidak bersetuju dan sebanyak 1.5% pula memberikan jawapan sangat tidak setuju. Secara keseluruhannya ketiga-tiga item ini turut sama memberi impak yang positif terhadap motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab pelajar. Item jenis ini juga dikenali faktor-faktor dorongan luaran pelajar atau motivasi ekstrinsik.

Seterusnya, item berkenaan menyambung pelajaran dalam bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab merekod nilai min sebanyak 4.40. Hasil daripada analisis item ini menunjukkan bahawa hanya sebanyak 39.7% responden sahaja yang memilih jawapan sangat setuju dan bersetuju. Daripada peratus tersebut, terdapat sebanyak 25.2% responden yang memilih jawapan sangat bersetuju. Manakala, sebanyak 14.5% yang memilih bersetuju. Sebanyak 41.2% responden memilih jawapan tidak pasti. Jumlah ini boleh dikatakan agak besar yang menunjukkan bahawa terdapat hampir 41% yang masih belum membuat keputusan untuk memilih jurusan dalam bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab semasa mereka sedang belajar di Tingkatan Empat atau Tingkatan Lima. Sebanyak 13.0% yang memilih jawapan tidak bersetuju. Manakala 6.1% yang lain pula memilih jawapan sangat tidak bersetuju.

Sehubungan itu, item yang berkaitan memilih kerjaya dalam bidang Bahasa Arab menyumbang min sebanyak 3.02. Hasil analisis item ini mendapati bahawa sebanyak 17.6% responden yang memilih sangat bersetuju dan sebanyak 13.7% responden yang memberikan jawapan bersetuju. Namun, sebanyak 35.1% responden memberi respon jawapan tidak pasti. Sebanyak 20.6% pula memilih jawapan tidak setuju. Selebihnya sebanyak 13.0% memilih jawapan sangat tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa hampir 35% responden yang belum memberi kata putus untuk mereka memilih kerjaya dalam bidang Bahasa Arab. Namun, terdapat sebilangan pelajar mempunyai cita-cita untuk menjadi tenaga pengajar Bahasa Arab, pensyarah Bahasa Arab dan lain-lain. Sebenarnya, faktor ini juga turut memberi dorongan yang positif dalam kalangan pelajar untuk mempelajari Bahasa Arab.

Manakala, item pengaruh rakan sebaya memberi nilai min sebanyak 2.80. Hasil analisis mendapati bahawa 4.6% responden memberi jawapan sangat setuju. Manakala 26.0% lagi memilih jawapan bersetuju. Jumlah kedua-dua jawapan tersebut menjadikan hampir 30% pelajar menyatakan mereka bersedia mendapat dorongan secara tidak langsung daripada rakan-rakan mereka untuk belajar Bahasa Arab. Sebanyak 28.2% pula responden memilih jawapan tidak pasti. Manakala 27.5% yang lain pula memilih tidak bersetuju. Selebihnya sebanyak 13.7% memberikan jawapan sangat tidak bersetuju. Namun, secara keseluruhannya didapati hampir 41% pelajar yang tidak menganggap bahawa diri mereka didorong oleh rakan sebaya sebagai faktor utama untuk belajar Bahasa Arab.

4.2.3.2 Faktor-Faktor Pendorong Terhadap Pencapaian BAK Responden

Kajian ini dijalankan untuk meninjau faktor-faktor yang mendorong pencapaian pelajar dalam mata pelajaran BAK pada peringkat PMR. Jadual 4.14 menunjukkan dapatan kajian yang dilakukan mengikut taburan frekuensi, peratusan dan purata min.

Jadual 4.14
Dapatan Kajian Mengenai Pendorong Pencapaian Keputusan BAK

No. Item	Pernyataan	Frekuensi / Peratus %					Min
		STS	TS	TP	S	SS	
a	Kesungguhan dan keazaman sendiri	2 1.5%	7 5.3%	23 17.6%	44 33.6%	55 42.0%	4.09
b	Sokongan ibu bapa dan guru	1 0.8%	5 3.8%	17 13.0%	49 37.4%	59 45.0%	4.22
c	Desakan untuk mendapat gred A	16 12.2 %	23 17.6%	22 16.8%	28 21.4%	42 32.1%	3.44
d	Usaha dan tawakal	1 0.8%	2 1.5%	11 8.4%	37 28.2%	80 61.1%	4.47
Min Keseluruhan							4.06

(Skala Penilaian : STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, TP = Tidak Pasti, S = Setuju dan SS = Sangat Setuju)

Berdasarkan Jadual 4.14 di atas, didapati faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian responden bagi BAK dalam peperiksaan PMR berdasarkan pernyataan yang dikemukakan berada pada tahap yang amat baik atau berada di paras sangat setuju. Hal ini dapat dibuktikan apabila kajian mendapati nilai min keseluruhan yang diperoleh berada pada paras 4.06. Semua item yang diuji mencatat nilai min di antara 4.47 hingga 3.44. Seterusnya, dapatan kajian bagi item a, b, c, dan item d telah dianalisis seperti berikut:

Item (a) memperlihatkan seramai 55 responden atau 42.0% sangat bersetuju dan 44 orang atau 33.6% bersetuju bahawa faktor ini yang mempengaruhi pencapaian mereka dalam BAK berdasarkan prestasi mata pelajaran itu dalam peperiksaan PMR. Sementara itu, 23 orang atau 17.6% daripada mereka hanya menyatakan tidak pasti dengan kenyataan ini. Terdapat 7 orang atau 5.3% responden tidak bersetuju dan 2 orang atau 1.5% sangat tidak bersetuju bahawa kesungguhan dan keazaman sendiri boleh membantu pencapaian dalam BAK. Hal ini menunjukkan bahawa kesungguhan dan keazaman seseorang memberikan impak terhadap kejayaan yang dicapai oleh pelajar. Min bagi item ini ialah sebanyak 4.09. Ini membuktikan bahawa persetujuan responden terhadap item ini berada pada paras yang tinggi atau pada skala sangat setuju.

Item (b) pula menunjukkan seramai 59 responden atau 45.0% sangat bersetuju dan 49 orang atau 37.4% lagi mengatakan setuju. Sementara itu seramai 17 responden atau 13.0% yang tidak pasti. Jumlah responden yang memberikan respon tidak setuju pula seramai 5 orang atau 3.8%. Hanya seorang atau 0.8% sahaja yang memilih jawapan sangat tidak setuju. Catatan min bagi item ini ialah sebanyak 4.22. Ini bermakna kecenderungan ke arah persetujuan responden terhadap item sokongan ibu bapa dan guru pada paras tinggi atau pada skala sangat setuju. Seterusnya, berdasarkan item (c) iaitu faktor desakan untuk mendapat gred A dalam mata pelajaran BAK, kajian mendapati seramai 42 orang responden atau 32.1% sangat bersetuju dan seramai 28 orang atau 21.4% bersetuju dengan pernyataan ini. Terdapat seramai 22 orang responden atau 16.8% yang tidak pasti bahawa desakan gred A mendorong pencapaian dalam BAK mereka. Sementara itu, responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini seramai 23 orang atau 17.6% dan yang menyatakan

sangat tidak bersetuju pula seramai 16 orang atau 12.2%. Secara keseluruhan nilai min yang diperolehi adalah 3.44. Hal ini menunjukkan bahawa persetujuan responden terhadap pernyataan ini berada pada paras yang sederhana tinggi atau pada skala setuju.

Item (d) memaparkan seramai 80 orang responden atau 61.1% mengatakan sangat setuju dan 37 orang atau 28.2% setuju terhadap item yang telah dikemukakan. Manakala 11 orang atau 8.4% memberi respon tidak pasti, 2 orang atau 1.5% mengatakan tidak setuju dan hanya seorang responden atau 0.8% memberikan jawapan sangat tidak setuju. Min yang dicatatkan adalah sebanyak 4.47. Berdasarkan kepada nilai min item ini menunjukkan persetujuan responden pada paras yang tinggi atau pada skala sangat setuju. Dalam kata lain, nilai min item ini menunjukkan bahawa elemen usaha dan doa seseorang pelajar kepada yang Maha Esa sebagai faktor utama antara faktor-faktor yang dikemukakan dalam pernyataan ini yang turut menyumbang terhadap pencapaian yang positif dalam mata pelajaran BAK.

4.2.4 Analisis Jenis-Jenis Pendekatan Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Dalam sub-tajuk kajian ini, penulis membentangkan dapatan kajian daripada hasil analisis mengenai tinjauan terhadap jenis-jenis pendekatan motivasi yang mendorong pembelajaran Bahasa Arab berdasarkan purata min dan sisihan piawai. Manakala, penghujahan terhadap dapatan kajian ini turut disisipkan bersama-sama dengan analisis peratusan berdasarkan output statistik deskriptif (lihat Lampiran C2 dan C4). Seterusnya, analisis jenis-jenis pendekatan motivasi tersebut dibahagikan kepada lima bahagian sub-topik seperti berikut:

4.2.4.1 Pendekatan Motivasi Holistik

Dapatan kajian mengenai pendekatan motivasi holistik yang merangsang pembelajaran Bahasa Arab ditunjukkan seperti dalam Jadual 4.15.

Jadual 4.15
Analisis Dimensi Item Pendekatan Motivasi Holistik

No. Item	Penyataan	Frekuensi	Min	Sisihan Piawai
1	Berkewajipan mempelajari Bahasa Arab	131	4.56	0.70
2	Bahasa Arab adalah bahasa yang suci dalam Islam	131	4.92	0.41
3	Bahasa Arab ialah bahasa agama yang perlu dipelajari	131	4.77	0.58
4	Bahasa Arab dapat membantu seorang muslim menghayati Islam dengan lebih baik	131	4.82	0.52
5	Ibadat mendorong seseorang belajar Bahasa Arab	131	4.48	0.68
6	Pelajaran Pendidikan Islam merangsang belajar Bahasa Arab	131	3.73	1.03
7	Pengajian al-Quran semenjak kecil membangkitkan keinginan untuk mempelajari Bahasa Arab	131	3.99	1.03
8	Belajar Bahasa Arab dapat membantu seseorang muslim memperkuat keimanannya terhadap al-Quran	131	4.76	0.58
		131	4.50	0.45

Jadual 4.15 di atas, menunjukkan min dan sisihan piawai bagi analisis item pendekatan motivasi holistik. Item (1) yang mempunyai sisihan piawai sebanyak 0.70 menunjukkan nilai min sebanyak 4.56. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar (93.1% pelajar iaitu 65.6% sangat bersetuju dan 27.5% bersetuju) merasakan mereka berkewajipan mempelajari Bahasa Arab. Item (2) pula menunjukkan sisihan piawai sebanyak 0.41 dan nilai min sebanyak 4.92. Ini

memperlihatkan sebanyak 99.2 % (93.9% pelajar sangat bersetuju dan 5.3% setuju) responden meyakini bahawa Bahasa Arab yang mereka pelajari adalah suatu bahasa yang suci menurut perspektif Islam.

Sementara itu, item (3) yang memaparkan sisihan piawai sebanyak 0.58 menunjukkan nilai min sebanyak 4.77. Ini bermakna kebanyakan responden (81.7% pelajar sangat bersetuju dan 16.0% setuju) menganggap bahawa Bahasa Arab adalah bahasa agama yang patut mereka pelajari di sekolah. Item nombor (4) pula menunjukkan sisihan piawai sebanyak 0.52 dan nilai min 4.82. Hal ini menunjukkan bahawa responden (97.7% iaitu 85.5% sangat bersetuju dan 12.2% setuju) percaya bahawa Bahasa Arab dapat membantu individu muslim menghayati Islam dengan lebih baik.

Seterusnya item (5) yang memperlihatkan sisihan piawai sebanyak 0.68 menunjukkan min 4.48. Item ini memberi maksud amal ibadat yang dilaksanakan responden (90.8% di mana 58.0% sangat setuju dan 32.8% setuju) terhadap ajaran Allah s.w.t seperti bacaan al-Quran, wirid dan doa dalam Bahasa Arab mendorong mereka belajar Bahasa Arab. Item nombor (6) pula mencatatkan sisihan piawai sebanyak 1.03 dan nilai min 3.73. Item ini berkenaan dengan pelajaran Pendidikan Islam yang dipelajari responden pada peringkat menengah rendah. Nilai min yang didapati masih menunjukkan bahawa mata pelajaran Pendidikan Islam merangsang responden (24.4% pelajar sangat bersetuju dan 39.7% setuju) mempelajari Bahasa Arab.

Item (7) merekodkan sisihan piawai 1.03 dan nilai min sebanyak 3.99. Respon pelajar-pelajar ini menunjukkan bahawa pengajian al-Quran semenjak kecil turut membangkitkan dorongan terhadap diri responden (38.2% pelajar sangat setuju dan 34.4% setuju) untuk belajar Bahasa Arab.

Item nombor (8) iaitu item terakhir bagi motivasi ini, menunjukkan sisihan piawai sebanyak 0.58 dan nilai min pula 4.76. Dapatan item ini menggambarkan responden (95.4% di mana 81.7% sangat bersetuju dan 13.7% setuju) percaya bahawa seseorang individu muslim dapat memperkukuhkan keimanannya terhadap al-Quran dengan menguasai ilmu Bahasa Arab. Min keseluruhan yang diperoleh bagi analisis dimensi item ini ialah sebanyak 4.50. Ini menunjukkan bahawa pendekatan motivasi holistik dari aspek agama memberi impak yang penting dalam pembelajaran Bahasa Arab.

4.2.4.2 Pendekatan Motivasi Intrinsik

Dapatan kajian mengenai analisis item-item pendekatan motivasi intrinsik dalam pembelajaran Bahasa Arab disenaraikan dalam Jadual 4.16.

Jadual 4.16
Analisis Dimensi Item Pendekatan Motivasi Intrinsik

No. Item	Penyataan	Frekuensi	Min	Sisihan Piawai
9	Berminat belajar Bahasa Arab walaupun tidak bercadang memilih Pengajian Islam dan Bahasa Arab	131	4.05	1.04
10	Akan lebih berminat jika guru memuji kebolehan belajar Bahasa Arab	131	3.31	1.14
11	Suka atasi halangan untuk mengelak kegagalan dalam subjek Bahasa Arab	131	4.47	0.66
12	Rasa kurang selesa belajar Bahasa Arab apabila kawan mendapat keputusan yang lebih baik	131	3.73	1.23
13	Sering mengingatkan diri bahawa keputusan yang baik akan menjamin masa depan yang cemerlang	131	3.78	1.05
14	Rasa kecewa sekiranya tidak mendapat pencapaian yang baik dalam Bahasa Arab	131	4.33	0.85
15	Bersempang belajar Bahasa Arab jika rakan sekelas sering memberi kerjasama dalam kerja berkumpulan	131	4.53	0.70
16	Menggunakan kekuatan dalaman diri untuk mengatasi kelemahan dalam pembelajaran Bahasa Arab	131	4.05	0.85
		131	4.03	0.53

Jadual 4.16 menunjukkan sisihan piawai dan min bagi item yang berkenaan dengan pendekatan motivasi intrinsik iaitu item 9 hingga item 16. Item (9) yang mempunyai sisihan piawai sebanyak 1.04 menunjukkan nilai min 4.05. Kajian

menunjukkan responden (42.0% sangat bersetuju dan 33.6% setuju) berminat belajar Bahasa Arab walaupun mereka tidak bercadang memilih jurusan Pengajian Islam dan Bahasa Arab.

Bagi item (10) yang mencatatkan sisihan piawai sebanyak 1.14 menunjukkan nilai min 3.31. Ini bermakna hampir sebahagian responden bersetuju dengan item ini. Hal ini menunjukkan bahawa responden (hanya 16.0% sangat bersetuju dan 30.5% setuju) bersetuju bahawa kata-kata pujian yang diungkap terhadap kebolehan mereka turut mendorong minat belajar Bahasa Arab yang berjalan di dalam kelas. Namun, sebanyak 29.0% responden pula tidak beberapa pasti dengan item ini. Hal ini menunjukkan juga bahawa ciri minat seseorang pelajar mungkin dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang lain.

Selanjutnya, item (11) pula memaparkan sisihan piawai 0.66 dan nilai min sebanyak 4.47. Ini menunjukkan kebanyakan responden (92.3% pelajar iaitu 55.7% sangat setuju dan 36.6% setuju) akan berusaha mengatasi segala halangan yang boleh menggagalkan keputusan mata pelajaran Bahasa Arab mereka.

Item nombor (12) pula merekodkan sisihan piawai sebanyak 1.23 menunjukkan nilai min 3.73. Ini bermaksud responden (33.6% sangat setuju dan 30.5% setuju) masih memberi respon yang positif dengan item ini. Malah, mereka rasa kurang menyenangkan jika rakan-rakan mereka mendapat keputusan yang lebih baik dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Hal ini juga menyebabkan timbul desakan dalaman pelajar untuk bersaing antara satu sama lain bagi mencapai prestasi yang terbaik.

Bagi item (13) menunjukkan sisihan piawai sebanyak 1.05 dan mencatatkan nilai min sebanyak 3.78. Ini menggambarkan bahawa masih ramai pelajar (29.0% sangat setuju dan 33.6% setuju) sering mengingatkan diri mereka tentang pencapaian yang cemerlang dalam subjek Bahasa Arab akan menjamin masa depan yang cerah dalam hidup mereka.

Manakala, item nombor (14) yang mempunyai catatan sisihan piawai sebanyak 0.85 menunjukkan nilai min 4.33. Hal ini menunjukkan bahawa responden (88.6% pelajar iaitu 50.4% sangat setuju dan 38.2% setuju) yang tidak mendapat pencapaian yang baik akan berasa kecewa dan dukacita terhadap kegagalan dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

Item (15) pula memperlihatkan sisihan piawai sebanyak 0.70 dan nilai min 4.53. Ini menunjukkan kebanyakan responden (93.9% pelajar iaitu 62.6% sangat bersetuju dan 31.3% setuju) mengaku mereka akan lebih bersemangat belajar Bahasa Arab apabila rakan sekelas selalu memberi kerjasama dalam gerak kerja berkumpulan.

Bagi item nombor (16) yang merekodkan sisihan piawai sebanyak 0.85 menunjukkan nilai min 4.05. Hal ini menunjukkan lebih separuh responden (35.1% sangat setuju dan 37.4% setuju) percaya bahawa mereka menggunakan kekuatan dalaman untuk mengatasi segala masalah yang berpunca daripada kelemahan mereka sendiri agar dapat menghadapi cabaran dalam pembelajaran Bahasa Arab. Catatan min keseluruhan bagi dimensi item ini ialah sebanyak 4.03. Ini menunjukkan bahawa motivasi jenis ini dianggap penting kerana ia dapat membangkitkan dorongan dan

memberi tenaga intrinsik untuk melakukan tindakan pembelajaran yang bermakna bagi mencapai matlamat pembelajaran Bahasa Arab.

4.2.4.3 Pendekatan Motivasi Ekstrinsik

Dapatan kajian mengenai tinjauan terhadap pendekatan motivasi ekstrinsik dalam pembelajaran Bahasa Arab disenaraikan dalam Jadual 4.17 seperti berikut:

Jadual 4.17
Analisis Dimensi Item Pendekatan Motivasi Ekstrinsik

No. Item	Penyataan	Frekuensi	Min	Sisihan Piawai
17	Ganjaran dan pujian menggalakkan belajar Bahasa Arab	131	3.33	1.29
18	Mudah mendapat sanjungan apabila dapat melakukan tugas yang baik dalam pembelajaran Bahasa Arab	131	2.73	1.04
19	Suasana dan persekitaran yang baik di dalam bilik darjah meningkatkan semangat belajar Bahasa Arab	131	3.82	1.10
20	Kerjasama dalam kalangan rakan-rakan sekelas memudahkan pelaksanaan tugas subjek Bahasa Arab	131	4.28	0.95
21	Galakkan daripada guru dan ibu bapa adalah penting dalam pembelajaran Bahasa Arab	131	4.52	0.76
22	Hubungan yang mesra dan erat dengan guru memajukan pembelajaran Bahasa Arab	131	4.10	0.85
23	Ibubapa menggalakkan belajar Bahasa Arab semenjak di sekolah rendah	131	3.88	1.25
24	Ibu bapa bertanyakan perkembangan pelajaran Bahasa Arab dan menasihati keputusan yang merosot	131	3.88	1.11
		131	3.82	0.58

Merujuk Jadual 4.17 di atas, dapatan kajian memperlihatkan nilai min dan sisihan piawai bagi elemen pendekatan motivasi ekstrinsik. Item nombor (17) yang memaparkan sisihan piawai 1.29 menunjukkan nilai min sebanyak 3.33. Kajian menunjukkan bahawa hampir separuh dalam kalangan responden iaitu sebanyak 48.1% di mana 24.4% sangat bersetuju dan 23.7% setuju dengan pernyataan ini. Ini juga menggambarkan ganjaran dan pujian mungkin boleh digunakan sebagai wasilah yang mendorong pembelajaran Bahasa Arab.

Bagi item (18) pula mencatatkan sisihan piawai sebanyak 1.04 dan nilai min 2.73. Item ini mencatat purata min pada paras yang paling minimum di antara item-item kumpulan ini. Dapatan menunjukkan bahawa sebanyak 13.0% responden sangat tidak setuju dan 26.7% pula tidak setuju.

Manakala, sebanyak 39.7% responden yang cenderung kepada jawapan tidak pasti. Ini bermakna responden yang melakukan tugas yang baik dalam pembelajaran Bahasa Arab kurang berminat untuk disanjung oleh sesiapa. Mafhum di sebalik dapatan peratusan ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden lebih mengutamakan untuk mencapai kepuasan sendiri dan keredhaan ilahi daripada mendapat sanjungan guru atau rakan sekelas.

Selanjutnya, item (19) memaparkan sisihan piawai 1.10 dan nilai min sebanyak 3.82. Hal ini menunjukkan lebih separuh responden (32.8% sangat bersetuju dan 32.1% setuju) percaya bahawa suasana dan persekitaran yang baik di dalam bilik darjah boleh meningkatkan semangat mereka terhadap pembelajaran Bahasa Arab.

Item nombor (20) pula yang merekodkan sisihan piawai sebanyak 0.95 menunjukkan nilai min 4.28. Ini bermaksud responden (52.7% sangat setuju dan 31.3% setuju) lebih cenderung ke arah sangat bersetuju dengan item ini. Mereka percaya bahawa kerjasama dalam kalangan pelajar akan memudahkan tugas Bahasa Arab yang ditaklifkan oleh guru.

Item (21) menunjukkan sisihan piawai sebanyak 0.76 dan merekodkan nilai min sebanyak 4.52. Ini menggambarkan bahawa peranan yang dimainkan oleh guru dan ibu bapa pelajar adalah sangat penting untuk memacu pembelajaran Bahasa Arab mereka. Ini dapat dibuktikan sebanyak 63.4% sangat bersetuju dan 29.0% setuju dengan item tersebut.

Manakala, item nombor (22) yang mempunyai catatan sisihan piawai sebanyak 0.85 menunjukkan nilai min 4.10. Hal ini menunjukkan responden (79.4% di mana 35.9% sangat setuju dan 43.5% setuju) percaya bahawa hubungan yang mesra dan erat dengan guru Bahasa Arab boleh merangsang kemajuan mereka dalam mata pelajaran itu.

Item (23) pula memperlihatkan sisihan piawai sebanyak 1.25 dan nilai min 3.88. Ini menunjukkan responden (43.5% sangat setuju dan 23.7% setuju) mengaku bahawa ibu bapa menggalakkan mereka belajar Bahasa Arab semenjak di sekolah rendah lagi.

Manakala item nombor (24) yang merekodkan sisihan piawai sebanyak 1.11 menunjukkan nilai min 3.88. Ini bermakna responden lebih cenderung ke arah

persetujuan di mana sebanyak 37.4% sangat setuju dan 29.8% setuju bahawa ibu bapa mereka sentiasa bertanyakan perkembangan pelajaran Bahasa Arab di sekolah. Malah, ibu bapa mereka juga turut sama memberi nasihat apabila prestasi anak-anak mereka yang merosot. Min keseluruhan yang direkod bagi item ini adalah 3.82. Ini membuktikan bahawa sebilangan besar para pelajar merasakan mereka perlu kepada faktor-faktor ekstrinsik yang dapat mengukuhkan motivasi mereka dalam proses pembelajaran Bahasa Arab.

4.2.4.4 Pendekatan Motivasi Matlamat

Dapatan kajian mengenai pendekatan motivasi matlamat dalam pembelajaran Bahasa Arab seperti dalam Jadual 4.18.

Jadual 4.18
Analisis Dimensi Item Pendekatan Motivasi Matlamat

No. Item	Penyataan	Frekuensi	Min	Sisihan Piawai
25	Mempelajari Bahasa Arab bertujuan menghubungkan diri dengan al-Quran dan Hadith	131	4.66	0.64
26	Belajar Bahasa Arab untuk menyelesaikan masalah bacaan dalam ibadat harian	131	4.43	0.79
27	Belajar Bahasa Arab untuk membolehkan mendalami ajaran Islam	131	4.60	0.65
28	Melalui pembelajaran Bahasa Arab dapat berkomunikasi dengan penutur bahasa tersebut	131	4.40	0.76
29	Bercadang untuk menyambung pengajian ke luar negara untuk memperkuat Bahasa Arab	131	3.38	1.23
30	Kerjaya dalam bidang pembelajaran Bahasa Arab adalah terbuka luas	131	3.74	1.06
31	Belajar Bahasa Arab untuk melancong ke negara-negara timur tengah	131	2.83	1.22
32	Sering bertanya secara berkala mengenai pencapaian matlamat belajar Bahasa Arab	131	3.57	1.09
		131	3.95	0.51

Analisis item-item mengenai pendekatan motivasi matlamat ditunjukkan menerusi keputusan sisihan piawai dan juga nilai purata min. Item (25) yang mencatatkan sisihan piawai sebanyak 0.64 menunjukkan nilai min 4.66. Hal ini menunjukkan kebanyakan responden (93.8% di mana 74.0% sangat setuju dan 19.8% setuju) amat bersetuju bahawa tujuan mereka belajar Bahasa Arab untuk menghubungkan diri mereka dengan al-Quran dan Hadith. Item (26) merekodkan sisihan piawai sebanyak 0.79 dan nilai min 4.43. Item ini memperlihatkan responden (58.0% sangat setuju dan 30.5% setuju) percaya bahawa pembelajaran Bahasa Arab dapat menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan bacaan dalam ibadat harian mereka seperti bacaan doa dan sebagainya.

Item nombor (27) pula menunjukkan sisihan piawai sebanyak 0.65 dan nilai min 4.60. Ini bermakna responden (95.4% di mana 66.4% sangat bersetuju dan 29.0% setuju) bersetuju bahawa belajar Bahasa Arab merupakan medium yang berkesan untuk mereka memahami ajaran Islam. Sementara item (28) yang mempunyai sisihan piawai sebanyak 0.76 menunjukkan min 4.40. Item menunjukkan sebanyak 55.7% responden sangat bersetuju dan 30.5% lagi setuju bahawa belajar Bahasa Arab membolehkan mereka berkomunikasi dengan penutur bahasa tersebut. Item nombor (29) pula merekodkan sisihan piawai sebanyak 1.23 dan nilai min 3.38. Bagi item ini hanya 39.0% responden (27.5% sangat bersetuju dan 11.5% setuju) dengan pernyataan yang diberikan, manakala 40.5% lagi belum membuat keputusan untuk menyambung pelajaran di seberang laut bagi memperkuatkan Bahasa Arab. Seterusnya, bagi item (30) yang memperlihatkan sisihan piawai sebanyak 1.06 menunjukkan nilai min 3.74. Item ini menunjukkan hanya sebanyak 54.2% (31.3% sangat setuju dan 22.9% setuju) dalam kalangan

responden yang mempercayai bahawa kerjaya dalam bidang Bahasa Arab adalah terbuka luas pada masa hadapan untuk graduan dalam bidang ini.

Item nombor (31) pula mencatatkan sisihan piawai sebanyak 1.22 dan nilai min 2.83. Hal ini menunjukkan bahawa min bagi item ini mempunyai nilai yang terendah antara item-item pendekatan ini. Ini bermaksud matlamat kebanyakan responden (16.0% sangat tidak setuju dan 25.2% tidak setuju, manakala 34.4% tidak pasti) belajar Bahasa Arab bukan bertujuan untuk melancong ke luar negara. Manakala, item terakhir iaitu nombor (32) mencatatkan sisihan piawai sebanyak 1.09 dan nilai min 3.57. Item ini menunjukkan lebih sebahagian responden (23.7% sangat setuju dan 28.2% setuju) sering mengajukan pertanyaan secara berkala terhadap matlamat yang ingin dicapai oleh mereka dalam pembelajaran Bahasa Arab. Min keseluruhan bagi item ini adalah pada paras 3.95. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar mempunyai matlamat yang jelas terhadap pembelajaran Bahasa Arab.

4.2.4.5 Pendekatan Motivasi Pencapaian

Dapatan kajian mengenai pendekatan motivasi pencapaian terhadap pembelajaran Bahasa Arab ditunjukkan seperti dalam Jadual 4.19.

Jadual 4.19
Analisis Dimensi Item Pendekatan Motivasi Pencapaian

No. Item	Penyataan	Frekuensi	Min	Sisihan Piawai
33	Pengalaman belajar Bahasa Arab pada peringkat PMR banyak membantu pencapaian BAT	131	4.02	1.00
34	Boleh mencapai keputusan yang cemerlang BAT walaupun tidak pernah belajar Bahasa Arab pada peringkat sekolah rendah	131	3.24	1.39
35	Tidak boleh mencapai keputusan yang cemerlang dalam Bahasa Arab jika kurang memberi tumpuan	131	4.61	0.66
36	Pengajaran guru Bahasa Arab banyak mempengaruhi pencapaian BAT	131	4.31	0.81
37	Boleh mencapai keputusan yang baik dalam BAT sekiranya menguasai kosa kata dan tatabahasa Bahasa Arab dengan baik	131	4.73	0.61
38	Tugasan yang banyak bagi subjek-subjek yang lain menyebabkan tidak dapat mencapai keputusan yang baik dalam BAT	131	3.22	1.15
39	Boleh mencapai keputusan yang baik dalam Bahasa Arab walaupun sibuk dengan kegiatan kokurikulum	131	3.57	0.92
40	Kejayaan dalam mata pelajaran Bahasa Arab mendorong kejayaan dalam kerjaya masa hadapan	131	3.82	1.06
		131	3.94	0.42

Jadual 4.19 menunjukkan sisihan piawai dan skor min bagi item pendekatan motivasi pencapaian. Item (33) yang mempunyai sisihan piawai sebanyak 1.00 menunjukkan nilai min sebanyak 4.02. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar (36.6%

sangat setuju dan 39.7%) berpandangan bahawa pengalaman belajar Bahasa Arab pada peringkat menengah rendah turut sama memberi input kepada subjek BAT pada peringkat sekolah menengah. Item (34) pula menunjukkan sisihan piawai sebanyak 1.39 dan nilai min sebanyak 3.24. Item ini memperlihatkan hanya 44.2% responden (24.4% sangat setuju dan 19.8% setuju) menyakini mereka boleh mencapai keputusan yang cemerlang dalam subjek BAT walaupun tidak pernah mempelajari Bahasa Arab pada peringkat sekolah rendah.

Sementara item (35) yang memaparkan sisihan piawai sebanyak 0.66 menunjukkan nilai min sebanyak 4.61. Ini bermakna majoriti responden (97.7% di mana 66.4% sangat setuju dan 31.3% setuju) menganggap bahawa mereka tidak mungkin mencapai keputusan yang cemerlang dalam Bahasa Arab selagi masih kurang memberi tumpuan terhadap proses pembelajaran. Item nombor (36) pula menunjukkan sisihan piawai sebanyak 0.81 dan nilai min 4.31. Ini menunjukkan responden (87.0% di mana 48.1% sangat setuju dan 38.9% setuju) lebih cenderung ke arah persetujuan bahawa pengajaran yang disampaikan oleh guru Bahasa Arab turut mempengaruhi pencapaian dalam subjek BAT. Seterusnya item (37) yang memperlihatkan sisihan piawai sebanyak 0.61 menunjukkan min 4.73. Ini bermaksud majoriti responden (95.4% di mana 78.6% sangat setuju dan 16.8% setuju) setuju bahawa mereka boleh mencapai keputusan yang baik dalam BAT dengan cara menguasai kosa kata dan tatabahasa Bahasa Arab dengan baik.

Item nombor (38) pula mencatatkan sisihan piawai sebanyak 1.15 dan nilai min 3.22. Item ini berkenaan dengan tugas dan kerja yang diarah oleh guru. Ini bermakna tugas yang banyak dalam mata pelajaran yang lain bukanlah penyebab

yang boleh menghalang pelajar (16.0% responden sangat setuju dan 25.2% pula setuju) daripada memperolehi keputusan yang baik dalam BAT. Namun, sebanyak 29.0% responden (6.1% sangat tidak bersetuju dan 22.9% tidak setuju) percaya bahawa tugas yang banyak boleh membebaskan mereka.

Manakala, item (39) merekod sisihan piawai 0.92 dan nilai min sebanyak 3.57. Respon pelajar-pelajar ini menunjukkan bahawa kesibukan responden (16.8% sangat setuju dan 34.4% setuju) dengan kegiatan kokurikulum bukanlah faktor penghalang bagi mereka untuk mencapai keputusan yang baik dalam Bahasa Arab.

Dan item terakhir (40) bagi elemen pendekatan motivasi ini menunjukkan sisihan piawai sebanyak 1.06 dan nilai min pula 3.82. Dapatan item ini menunjukkan responden (32.8% sangat setuju dan 29.8% setuju) percaya bahawa dengan memperolehi skor yang baik dalam mata pelajaran Bahasa Arab mereka boleh mengecapi kejayaan dalam kerjaya masa hadapan. Min keseluruhan item ini mencatat sebanyak 3.94. Ini bermakna bahawa para pelajar ingin mengecapi kejayaan dalam pembelajaran Bahasa Arab dan menggunakan motivasi sebagai wahana untuk mencapai matlamat pembelajaran yang dicita-citakan.

4.2.4.6 Perbandingan Antara Jenis-Jenis Pendekatan Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Analisis perbandingan tahap perbezaan terhadap jenis-jenis pendekatan motivasi antara pelajar lelaki dan perempuan dilakukan dengan menggunakan Ujian-t. Analisis item-item tersebut ditunjukkan seperti dalam Jadual 4.20.

Jadual 4.20
Ujian-t Mengukur Tahap Perbezaan Jenis-Jenis Pendekatan Motivasi

Bi l.	Pendekatan Motivasi	Jantina	Frekuensi	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Sig.
1	Holistik	Lelaki	65	4.38	0.50	-3.08	0.003
		Perempuan	66	4.62	0.37		
2	Intrinsik	Lelaki	65	3.96	0.55	-1.54	0.127
		Perempuan	66	4.10	0.51		
3	Ekstrinsik	Lelaki	65	3.71	0.62	-2.14	0.034
		Perempuan	66	3.92	0.51		
4	Matlamat	Lelaki	65	3.90	0.48	-1.17	0.245
		Perempuan	66	4.00	0.54		
5	Pencapaian	Lelaki	65	3.86	0.46	-2.11	0.037
		Perempuan	66	4.02	0.36		

Jadual 4.20, menunjukkan analisis Ujian-t mengenai tahap perbezaan antara jenis-jenis pendekatan motivasi mengikut taburan gender pelajar iaitu lelaki seramai 65 orang dan perempuan seramai 66 orang. Hasil analisis Ujian-t adalah seperti berikut:

i- Motivasi Holistik

Berdasarkan jadual 4.20, keputusan perbezaan min Ujian-t bagi motivasi holistik untuk pelajar lelaki dan perempuan iaitu 4.38 dan 4.62 dengan sisihan piawai 0.50 dan 0.37 adalah signifikan ($t = -3.08$, $p < 0.05$) (lihat Lampiran C3).

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap motivasi holistik dalam pembelajaran Bahasa Arab. Keputusan ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan mempunyai motivasi holistik yang lebih tinggi daripada pelajar lelaki.

ii- Motivasi Intrinsik

Jadual 4.20 memperlihatkan dapatan Ujian-t mengenai perbezaan motivasi intrinsik untuk pelajar lelaki dan perempuan yang menunjukkan nilai min sebanyak 3.96 dan 4.10 dengan sisihan piawai sebanyak 0.55 dan 0.51. Ia adalah tidak signifikan ($t = -1.54$, $p > 0.05$) (lihat Lampiran C3). Ujian ini memperlihatkan tiada perbezaan signifikan bagi motivasi intrinsik antara pelajar lelaki dan perempuan. Dengan itu dapat disimpulkan bahawa motivasi intrinsik pelajar lelaki dan perempuan adalah hampir sama dalam pembelajaran Bahasa Arab.

iii- Motivasi Ekstrinsik

Berdasarkan Jadual 4.20, keputusan perbezaan min Ujian-t bagi motivasi ekstrinsik mengikut jantina antara responden lelaki dan perempuan adalah 3.71 dan 3.92 dengan sisihan piawai pada 0.62 dan 0.51 adalah signifikan ($t = 2.14$, $p > 0.05$) (lihat Lampiran C3). Ujian ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap motivasi ekstrinsik. Keputusan ujian mencatatkan bahawa responden perempuan mempunyai tahap motivasi luaran lebih tinggi daripada responden lelaki dalam pembelajaran Bahasa Arab.

iv- Motivasi Matlamat

Berpandukan jadual 4.20, keputusan Ujian-t terhadap perbezaan nilai min bagi motivasi matlamat berdasarkan jantina antara pelajar lelaki dan perempuan adalah 3.90 dan 4.00 dengan sisihan piawai pada 0.48 dan 0.54 adalah tidak signifikan ($t = -1.17, p > 0.05$) (lihat Lampiran C3). Ujian ini menunjukkan tiada perbezaan min yang signifikan antara responden lelaki dan perempuan terhadap pendekatan motivasi ini. Keputusan ujian menerangkan bahawa pelajar lelaki dan perempuan mempunyai tahap motivasi matlamat yang hampir sama dalam pembelajaran Bahasa Arab.

v- Motivasi Pencapaian

Merujuk kepada Jadual 4.20 juga, dapatan Ujian-t menunjukkan perbezaan nilai min terhadap motivasi pencapaian mengikut jantina sebanyak 3.86 bagi pelajar lelaki dan 4.02 bagi pelajar perempuan dengan sisihan piawai pada paras 0.46 dan 0.36 adalah terdapat signifikan ($t = -2.11, p < 0.05$) (lihat Lampiran C3). Keputusan ujian ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap pendekatan motivasi ini. Justeru itu, keputusan ujian menerangkan bahawa motivasi pencapaian bagi responden perempuan lebih tinggi daripada lelaki dalam pembelajaran Bahasa Arab.

4.2.4.7 Analisis Keseluruhan Dimensi Jenis-Jenis Pendekatan Motivasi Dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Kajian turut dilakukan untuk melihat tahap dimensi jenis-jenis pendekatan motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab seperti yang disenaraikan dalam Jadual 4.21.

Jadual 4.21

Keputusan Analisis Keseluruhan bagi Dimensi Motivasi

Bil	Jenis-Jenis Pendekatan motivasi	Frekuensi	Min	Sisihan Piawai
1	Motivasi Holistik	131	4.50	0.45
2	Motivasi Intrinsik	131	4.03	0.53
3	Motivasi Ekstrinsik	131	3.82	0.58
4	Motivasi Matlamat	131	3.95	0.51
5	Motivasi Pencapaian	131	3.94	0.42

Jadual 4.21 menunjukkan keputusan keseluruhan analisis deskriptif mengenai tahap skor purata min bagi semua jenis pendekatan motivasi yang diuji. Analisis ini turut merangkumi pelajar lelaki dan perempuan iaitu seramai 131 orang responden. Kajian mendapati nilai min tertinggi ialah motivasi holistik iaitu sebanyak 4.50 dengan sisihan piawai pada paras 0.45, diikuti oleh motivasi intrinsik yang menunjukkan nilai min 4.03 dengan sisihan piawai pada 0.53, dan motivasi matlamat dengan nilai min sebanyak 3.95 dan sisihan piawai pada 0.51. Nilai min bagi motivasi pencapaian ialah 3.94 dan sisihan piawai pada paras 0.42. Manakala, motivasi ekstrinsik pula mempunyai nilai min sebanyak 3.82 dengan sisihan piawai sebanyak 0.58.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan motivasi holistik mempunyai purata min keseluruhan yang agak tinggi jika dibandingkan dengan

pendekatan-pendekatan motivasi yang lain dalam kajian ini. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa pendekatan motivasi holistik dan motivasi intrinsik masing-masing mencatatkan purata min pada paras skala sangat setuju. Manakala, purata min bagi pendekatan motivasi ekstrinsik, motivasi matlamat dan motivasi pencapaian masing-masing direkod pada paras skala setuju.

4.3 ANALISIS ITEM TEMU BUAL SEMI BERSTRUKTUR GURU

Dalam sub-tajuk ini, penulis membahagikan item temu bual kepada dua bahagian iaitu bahagian A berkaitan dengan pengalaman mengajar responden guru dan bahagian B pula berkenaan dengan persepsi responden terhadap pembelajaran Bahasa Arab pelajar. Seterusnya, penulis menganalisis sub-tajuk ini seperti berikut:

4.3.1 Analisis Pengalaman Responden Guru

Jadual 4.22 menunjukkan jumlah responden yang terlibat di dalam kajian ini ialah seramai 5 orang guru, dan didapati pengalaman mengajar bagi responden di antara 1 hingga 40 tahun. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden telah pun berkhidmat pada satu tempoh yang tertentu iaitu seramai 3 orang responden atau 60% yang telah berkhidmat di antara 1 hingga 8 tahun dan seramai 2 responden atau 40% pula telah berkhidmat di antara 30 hingga 40 tahun. Ini juga menunjukkan bahawa dari segi pengalaman mengajar di sekolah yang dikaji mempunyai tenaga baru dan lama dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

Jadual 4.22
Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar Bahasa Arab

Penyataan	Tempoh	Frekuensi	Peratus
Pengalaman mengajar	1 tahun	1	20.0
	5 tahun	1	20.0
	8 tahun	1	20.0
	30 tahun	1	20.0
	40 tahun	1	20.0
Jumlah		5	100

4.3.2 Analisis Persepsi Guru Terhadap Motivasi Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Arab.

Dalam sub-tajuk ini, penulis membentangkan dapatan kajian temu bual yang meninjau persepsi guru terhadap pembelajaran Bahasa Arab pelajar. Interpretasi analisis kajian ini dilakukan dengan berpandukan kepada output (SPSS versi 14.0) (lihat Lampiran D). Dapatan kajian bagi item bahagian B pula dihurai dan dikelaskan mengikut analisis deskriptif yang merangkumi enam item. Item-item tersebut adalah seperti berikut:

4.3.2.1 Persepsi Responden Guru Terhadap Keperluan Menjana Motivasi Pelajar Sekolah

Dalam sub-item temu bual ini, penulis membentangkan lima item bagi mengukur keperluan untuk menjana motivasi pelajar. Data analisis terperinci persepsi guru terhadap item tersebut ditunjukkan dalam jadual lampiran output temu bual (lihat Lampiran D). Manakala, penghuraian dapatan analisis item ini adalah seperti berikut:

Item (a): Mengingatkan pelajar tentang peri pentingnya belajar Bahasa Arab untuk memahami bahasa al-Quran

Daripada hasil analisis item di atas, didapati 80% responden guru memberi respon terhadap item ini pada tahap keperluan yang tinggi. Hanya seorang guru (20%) yang cenderung ke arah persetujuan bahawa item ini pada tahap keperluan yang sederhana. Tiada seorang responden pun memilih jawapan pada tahap keperluan yang rendah. Hal ini bermakna kebanyakan responden sering mengingatkan pelajar mereka tentang peri pentingnya belajar Bahasa Arab yang bertujuan untuk memahami bahasa al-Quran. Ini dibuktikan bahawa tiada seorang responden pun yang tidak prihatin terhadap kepentingan mengajar Bahasa Arab kepada pelajar mereka.

Item (b): Mengguna pakai pelbagai set induksi dalam pembelajaran Bahasa Arab pelajar

Didapati 80% responden menganggap bahawa keperluan menggunakan set induksi dalam pembelajaran Bahasa Arab pelajar berada pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan responden cuba berusaha membangkitkan rangsangan kepada para pelajar mereka untuk belajar dengan mengguna pakai set induksi. Selain itu, hanya seorang guru sahaja atau 20% yang menggunakan pelbagai set induksi pada tahap keperluan yang tinggi dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk menarik minat pelajar mereka terhadap Bahasa Arab. Tiada seorang responden pun yang respon terhadap jawapan tahap keperluan yang rendah. Hal ini bermakna kebanyakan responden bersetuju mengguna pakai pelbagai set induksi dalam pengajaran mereka terhadap pembelajaran Bahasa Arab pelajar.

Item (c): Memberi insentif dan pujian yang bermakna kepada pelajar

Item (c) menunjukkan semua 5 orang guru atau 100% memberi persepsi pada tahap keperluan yang tinggi terhadap usaha memberi insentif dan pujian yang bermakna kepada pelajar. Tiada seorang pun responden memilih jawapan tahap keperluan yang sederhana dan rendah pada item ini. Ini menunjukkan bahawa semua responden bersetuju mengenai kepentingan peranan guru untuk memberi galakan kepada pelajar mereka belajar Bahasa Arab dengan menggunakan pelbagai pendekatan insentif dan pujian.

Item (d): Menerapkan unsur-unsur nilai murni bagi menjana motivasi terhadap aktiviti pembelajaran Bahasa Arab pelajar

Item ini mendapati 80% daripada responden menganggap bahawa penerapan unsur-unsur nilai murni yang merangsang motivasi dalam aktiviti dan gerak kerja dalam kalangan pelajar Bahasa Arab adalah pada tahap keperluan yang tinggi. Hanya 20% responden yang kurang mengambil berat terhadap item ini. Tiada seorang guru pun yang memberi respon terhadap jawapan pada tahap keperluan yang sederhana. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden mengaplikasikan penerapan unsur-unsur nilai murni untuk membangkitkan motivasi dalam proses pengajaran Bahasa Arab kepada pelajarannya.

Item (e): Menganjurkan program motivasi berkala dalam kalangan pelajar Bahasa Arab

Bagi item (e) pula, tiada seorang responden yang memilih jawapan keperluan yang rendah pada item ini. Manakala, 20% pula responden memberi respon jawapan keperluan yang sederhana sahaja pada item ini. Namun, didapati 80% responden mengatakan bahawa mereka lebih cenderung untuk menganjur program motivasi berkala dalam kalangan pelajar Bahasa Arab pada tahap keperluan yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa responden menjalankan program motivasi kepada pelajar mereka mengikut tingkatan dan khasnya kelas yang terlibat dengan peperiksaan.

4.3.2.2 Persepsi Responden Guru Terhadap Tahap Motivasi Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Dalam sub-item ini, penulis mengemukakan analisis lima item yang menguji tentang tahap motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab sama ada di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah. Data analisis statistik terperinci mengenai dimensi item ini ditunjukkan dalam jadual lampiran output temu bual. Manakala, dapatan analisis item tersebut adalah dinyatakan seperti berikut:

Item (a): Pelajar bekerjasama dalam kumpulan berdasarkan kebolehan mereka

Keputusan analisis yang diperoleh daripada item (a) menunjukkan bahawa sebanyak 60.0% responden guru memilih jawapan pada tahap motivasi tinggi. Peratus ini menunjukkan bahawa terdapat dalam kalangan pelajar bersedia memberi

bantuan kepada rakan mereka dalam pembelajaran berkumpulan berdasarkan kemampuan masing-masing. Dapatan ini juga menjelaskan aktiviti berpasukan memang sesuai dan berkesan dipraktikkannya dalam pembelajaran Bahasa Arab bertujuan untuk merangsang motivasi antara pelajar di dalam bilik darjah. Sebanyak 20.0% peratus responden memberikan jawapan pada tahap motivasi sederhana pada item ini. Selain itu, sebanyak 20.0% responden yang lain pula memilih jawapan pada tahap motivasi yang rendah. Daripada jumlah peratusan itu menunjukkan bahawa masih terdapat segelintir pelajar mempunyai motivasi yang rendah. Hal ini berkemungkinan terdapat dalam kalangan tenaga pengajar Bahasa Arab kurang mengaplikasikan pembelajaran secara berkumpulan kepada pelajar mereka.

Item (b): Pelajar suka melibatkan diri dengan aktiviti persatuan Bahasa Arab

Analisis item (b) mendapati sebanyak 60.0% responden mengatakan bahawa penglibatan pelajar dengan aktiviti persatuan Bahasa Arab berada pada tahap motivasi yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat dalam kalangan responden mengakui penyertaan pelajar melalui program Bahasa Arab. Manakala sebanyak 40.0% responden bersetuju mengatakan penglibatan diri pelajar dalam aktiviti persatuan Bahasa Arab pada tahap motivasi yang sederhana. Analisis ini juga mendapati tiada langsung responden yang memberi jawapan pada tahap motivasi rendah. Ini menunjukkan bahawa pelajar berminat menyertai aktiviti Bahasa Arab secara tidak formal di luar bilik darjah dan pada masa yang sama guru menyediakan medan untuk pelajar melibatkan diri dalam persatuan yang boleh memupuk motivasi mereka untuk terus belajar dan mempertingkatkan keupayaan berbahasa Arab.

Item (c): Pelajar cuba bersoal jawab dengan guru menggunakan Bahasa Arab

Menerusi analisis item (c), didapati tiada responden yang memberikan jawapan pada tahap motivasi yang rendah. Sebanyak 20.0% daripada kalangan responden guru yang memilih jawapan pada tahap motivasi yang sederhana dalam item ini. Peratusan bagi tahap motivasi yang tinggi pula mencapai sebanyak 80.0%. Jumlah ini menunjukkan bahawa kebanyakan guru mengakui bahawa pelajar cuba bersoal jawab dengan guru menggunakan Bahasa Arab dalam usaha untuk mereka memperolehi ilmu pengetahuan bahasa itu. Hal ini juga menunjukkan pelajar boleh dirangsang dengan pendekatan motivasi yang boleh membangkitkan dorongan intrinsik daripada diri mereka untuk terus belajar Bahasa Arab dalam persekitaran kelas yang baik.

Item (d): Pelajar berusaha mencapai gred yang cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Arab

Bagi item (d) didapati sebanyak 40% masing-masing memberikan jawapan pada tahap motivasi yang sederhana dan tahap motivasi yang tinggi terhadap item ini. Hasil analisis ini menunjukkan responden guru berpandangan bahawa usaha pelajar untuk mencapai gred yang cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Arab bertitik tolak daripada daya motivasi dan kekuatan dalaman pelajar itu sendiri. Manakala, sebanyak 20% responden yang mengatakan bahawa pelajar yang berusaha untuk memperolehi gred yang cemerlang berada pada tahap motivasi yang rendah. Hal ini menunjukkan hanya segelintir pelajar mempunyai motivasi yang lemah di mana mereka tidak dapat mencapai gred yang cemerlang untuk mata

pelajaran Bahasa Arab. Namun, dapatan menunjukkan majoriti pelajar ingin berjaya dengan cemerlang dalam pelajaran mereka, khasnya bagi mata pelajaran Bahasa Arab.

Item (e): Pelajar mempunyai hubungan yang baik dengan guru

Manakala analisis item (e) pula, tiada rekod bagi responden yang memberi jawapan pada tahap motivasi yang rendah. Sebanyak 20% responden yang mengemukakan respon jawapan tahap motivasi yang sederhana. Walaupun begitu, 80% responden memilih jawapan pada tahap motivasi yang tinggi. Ini menunjukkan responden percaya bahawa pelajar mempunyai hubungan yang baik dengan guru mereka. Peratusan ini juga menunjukkan kebanyakan pelajar berminat berinteraksi dan berkomunikasi dengan guru untuk menimba ilmu Bahasa Arab.

4.3.2.3 Analisis Halangan Motivasi Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Hasil penelitian terhadap item-item yang dijawab oleh responden guru, penulis dapat mengesan beberapa masalah yang menghalang motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab di dalam bilik darjah. Di antara masalah utama bagi pelajar ialah pengaruh pendidikan di rumah sebelum melangkah ke alam persekolahan. Kebarangkalian ini menunjukkan bahawa kebanyakan ibu bapa pelajar agak kurang memberi pendedahan awal Bahasa Arab kepada anak-anak mereka di rumah, meskipun kebanyakan pelajar telah pun belajar dan boleh membaca al-Quran

sebelum melangkah ke alam persekolahan sama ada pada peringkat rendah atau menengah.

Di samping itu, responden berpendapat penggunaan Bahasa Arab pula terbatas, dan persekitaran yang dapat merangsang pelajar menggunakan Bahasa Arab sukar diperoleh, misalnya di tempat awam, pasar dan sebagainya. Dengan yang demikian, di mana sahaja mereka pergi dan berada mungkin Bahasa Arab sebagai salah satu alat untuk berkomunikasi tidak dapat mempengaruhi pelajar. Hal ini berkemungkinan juga galakan belajar Bahasa Arab masih berada pada tahap minimum, dan pada masa sama pihak media massa masih kurang memberi galakan dan dorongan yang sewajarnya kepada pelajar tentang peri pentingnya Bahasa Arab sebagai bahasa ilmu pengetahuan berbanding dengan bahasa asing lain.

Masalah lain yang ketara yang boleh menghalang motivasi pelajar terhadap minat dalam pembelajaran Bahasa Arab adalah mereka pada awal-awal lagi tidak merasakan peri wajibnya belajar Bahasa Arab di samping kurang menyedari dan memahami tentang keperluan dan matlamat belajar Bahasa Arab seperti dapat memahami makna bacaan dalam ibadat, menunaikan umrah, melancong ke negara yang penuturnya berbahasa Arab, tujuan perniagaan dan ekonomi, hubungan diplomatik dan antarabangsa, penyertaan konvensyen serta lain-lain.

Demikian juga, responden berpendapat bahawa kebanyakan pelajar mempelajari Bahasa Arab tidak secara berperingkat iaitu tidak mengikut tahap-tahap pendidikan persekolahan. Dalam erti kata lain, pembelajaran Bahasa Arab sepatutnya bermula daripada peringkat tadika atau sekolah rendah. Ini menyebabkan

pembelajaran Bahasa Arab sentiasa dianaktirikan oleh segolongan pelajar. Hal ini paling ketara lagi apabila pendekatan proses pembelajaran Bahasa Arab lebih berorientasikan peperiksaan semata-mata, bukan untuk penghasilan ilmu pengetahuan.

Terdapat juga dalam kalangan pelajar yang lemah kekuatan dalamannya, dan lantaran itu mereka tidak mampu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi seperti membuat tugas dan kerja sekolah. Di samping itu, fikiran mereka ternyata dimain-mainkan dengan tanggapan bahawa mata pelajaran Bahasa Arab adalah sukar dipelajari. Justeru itu, mereka mula berbuat-buat malas untuk menghafal kosa kata Arab, memahami konsep tatabahasa Arab dan sebagainya, sehinggakan perkara yang mudah dianggap payah, dan akhirnya mereka menjauhi diri untuk mempelajari Bahasa Arab.

4.3.2.4 Analisis Ciri-ciri Motivasi dan Skim-Skim Motivasi

Dalam analisis item temu bual ini, penulis membahagikan perbincangan kepada dua bahagian seperti berikut:

(a) Ciri-ciri Motivasi

Ciri-ciri motivasi yang mendorong pelajar mempelajari Bahasa Arab di sekolah diterangkan secara ringkas seperti berikut:

- (i) Guru Bahasa Arab berkomunikasi dengan pelajarinya dalam Bahasa Arab.

- (ii) Memperbanyak permainan Bahasa Arab seperti permainan koir atau teka-teki dan sebagainya.
- (iii) Mengajukan aktiviti dan pertandingan dalam Bahasa Arab.
- (iv) Dorongan ibu bapa dan ahli keluarga.
- (v) Minat yang mendalam terhadap Bahasa Arab.
- (vi) Mengadakan program dan ceramah motivasi.
- (vii) Persekitaran sekolah dihiasi dengan ungkapan-ungkapan Arab.
- (viii) Mewajibkan pelajar menghafal kosa kata Arab dan bertutur dalam Bahasa Arab.
- (ix) Pendedahan kemahiran belajar Bahasa Arab.
- (x) Hubungan erat dengan guru Bahasa Arab di luar bilik darjah.

(b) Skim-skim Motivasi yang Relevan

Skim-skim motivasi yang dicadang untuk pelajar yang cemerlang dalam pencapaian mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah diringkaskan seperti berikut:

- (i) Hadiah berkebolehan berbahasa Arab.
- (ii) Sijil penghargaan dan cendera hati.
- (iii) Pembiayaan biasiswa melanjutkan pelajaran.
- (iv) Sagu hati berupa wang ringgit.
- (v) Pengiktirafan pihak sekolah.
- (vi) Pengiktirafan daripada Jabatan Pelajaran Negeri.
- (vii) Lawatan dan melancong percuma.
- (viii) Pinjaman pelajaran tanpa faedah.
- (ix) Kem motivasi Bahasa Arab tanpa bayaran.

Selain itu, pihak sekolah juga disarankan menganjur “Hari Kecemerlangan Bahasa Arab”, di mana pada program tersebut pelajar dianugerahkan hadiah dan sijil penghargaan dari pelbagai kategori kecemerlangan bahasa berlandaskan skim-skim motivasi seperti yang disaran dan bersesuaian dengan pencapaian mereka mengikut tahap-tahap persekolahan, tingkatan serta prestasi akademik pelajar dalam setiap jenis peperiksaan.

4.3.2.5 Harapan dan Cadangan Responden Terhadap Peningkatan Motivasi Pelajar

Di antara harapan dan cadangan responden guru untuk menginovasikan pendekatan motivasi yang sedia ada pada tahap yang lebih efektif dalam kalangan pelajar Bahasa Arab di sekolah adalah diringkas seperti berikut:

- i- Persatuan Bahasa Arab di sekolah berperanan untuk menyediakan bahan-bahan yang berkonsepkan cerita Arab atau mengumpul koleksi-koleksi digital seperti nasyid, kartun, tayangan filem, cerita para nabi dan lain-lain untuk menarik dan menginovasikan motivasi pelajar belajar Bahasa Arab tanpa bosan dan jemu.
- ii- Pihak Panitia Bahasa Arab disarankan menyedia bahan-bahan tambahan dalam Bahasa Arab secara bersiri dengan mengikut aras pelajar.
- iii- Pihak sekolah pula perlu memastikan pemilihan dan pengambilan pelajar baru bersesuaian dengan setiap tahap keperluan dan perkembangan Bahasa Arab pelajar.
- iv- Tenaga pengajar Bahasa Arab dicadangkan menganjur program yang dikenali “Minggu Bahasa Arab” pada peringkat sekolah atau negeri yang

diisi dengan aktiviti-aktiviti seperti bacaan akhbar, berucap di himpunan pagi, mendeklamasi syair, berpidato, berdebat, kuiz, lakonan, nasyid, hafalan Hadith dan lain-lain. Setiap pertandingan menyediakan hadiah dan sijil penghargaan kepada pelajar yang berjaya mengikut peringkat individu atau kumpulan.

- v- Pihak berwajib memastikan segala keperluan dan alat bantuan mengajar disalurkan mengikut perkembangan semasa. Tenaga pengajar Bahasa Arab pula didedahkan dengan kursus-kursus peningkatan profesional secara berkala agar pengajaran Bahasa Arab dapat merangsang motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab sama ada di dalam atau di luar kelas.
- vi- Pembelajaran Bahasa Arab juga perlu dihubungkan dengan nilai murni dan adab, bukan setakat menghafal kosa kata, memahami fungsi nahu dan lain-lain. Pembelajaran Bahasa Arab sebenarnya patut berjalan merentasi sempadan yang meliputi aspek-aspek pembinaan personaliti, kepercayaan, ketuhanan, sahsiah dan sebagainya agar ianya akan dapat mempengaruhi motivasi dalaman dan luaran diri pelajar terutamanya di luar bilik darjah.
- vii- Teknik pengajaran yang berpusatkan guru perlu berubah kepada teknik pembelajaran yang berpusatkan pelajar supaya keupayaan dan kekuatan motivasi yang sedia ada pada pelajar dapat ditingkatkan. Pada masa yang sama, guru harus memastikan semua pelajar sentiasa memenuhi masa mereka di sekolah dengan tugas yang berfaedah; dengan cara memberi tugas tambahan kepada pelajar-pelajar yang cerdas dan memberi layanan individu kepada pelajar yang lemah sudah pasti akan mendorong minat mereka terhadap Bahasa Arab.

Selain itu, responden juga berpendapat bahawa pelajar juga perlu didedahkan dengan pelbagai program pembelajaran Bahasa Arab selepas tamat persekolahan atau sejurus selepas tamat peperiksaan seperti peperiksaan UPSR, PMR dan SPM. Penyertaan pelajar dalam program pembelajaran tersebut akan mengekal dan menambah minat mereka terhadap Bahasa Arab. Dengan ini, kualiti minat dan sikap pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab akan dapat dikekalkan secara berterusan pada tahap motivasi yang tinggi.

4.4 PENUTUP

Bab ini telah membentangkan dapatan daripada hasil analisis yang telah dijalankan ke atas data-data. Penganalisan data dalam bab ini dilakukan secara huraian terperinci dan melalui respon daripada setiap item yang terkandung dalam instrumen soal selidik pelajar dan temu bual guru. Setiap item dianalisis mengikut frekuensi, peratusan dan nilai min serta sisihan piawai yang diperolehi daripada analisis dimensi statistik, dan dipaparkan melalui jadual atau dalam bentuk pernyataan. Penulis juga menghuraikan perbandingan antara jenis pendekatan motivasi mengikut analisis Ujian-t. Penulis turut sama melakukan huraian analisis item-item tersebut mengikut soalan kajian yang telah dikemukakan dalam Bab Pertama. Dengan huraian daripada analisis bab ini, telah dapat menjawab segala soalan kajian yang telah dikemukakan. Dapatan analisis kajian ini seterusnya akan dibincangkan dalam Bab Lima selepas ini, diikuti dengan cadangan dan rumusan serta penutup kajian.